

MBSJ Semarak Semangat Patriotik Anjur Perarakan

> m/s 38



KOMPLEKS KOMUNITI PENYAYANG

BAKAL BERI MANFAAT
KEPADA SELURUH
KOMUNITI BANDAR RAYA

> m/s 9



ISI KANDUNGAN

MBSJ TERIMA PENGHARGAAN SEMPENA KONVENSyen MAJLIS BERSAMA JABATAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR	3	MBSJ PBT PERTAMA DI SELANGOR ANJUR KURSUS PROFESIONAL UNTUK PENGURUSAN STRATA	14	34 PESERTA PAMER HASIL KERJA	32
MBSJ TERIMA SIJIL ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PELINDUNGAN TAHUN 2019	3	HARI TANPA KENDERAAN MBSJ DISAMBUt MERIAH	15	DUDUK BERSAMA BINCANG LAB CADANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH DAN PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN KEMUDAHAN AWAM	33
PENAIKTARAFAN PASAR AWAM BAZAR RAKYAT SERI KEMBANGAN INISIATIF MBSJ DAN KPkt TINGKAT KESEJAHTERAAN PENDUDUK	4	MBSJ FC NAIB JUARA FAS LIGA BAHAGIAN 1 2023	16	USAHA MBSJ MERAKYATKAN PERKHIDMATAN PBT	33
KOMPLEKS KOMUNITI PENYAYANG BAKAL BERI MANFAAT KEPADA SELURUH KOMUNITI BANDAR RAYA	4	MAJLIS PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM DAN PELANCARAN KEMPEN JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023	17	97.75KG SAMPAH BERJAYA DIKUMPUL MBSJ & SUNWAY	34
MBSJ ANJUR SEMINAR BERI KESEDARAN CEGAH RASUAH DAN JENAYAH DI KAWASAN PENGURUSAN STRATA	5	JALUR GEMILANG SERIKAN PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ OGOS 2023	17	BERSIH KAWASAN SEKITAR TASIK, SAHUT CABARAN PEMBERSIHAN SEDUNIA	34
MBSJ ANJUR TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT [ISMS] - PERALIHAN KEPADA ISO/IEC 27001:2022	5	MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2023	18	AUDIT PENGAWASAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PELANGGAN [CSM] & PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH [TQM]	35
SESI TOWN HALL KAJIAN INVENTORI GREEN HOUSE GAS [GHG] MBSJ	6	MAJLIS GALA DINNER KEMBARA MERDEKA 66	18	SESI PENILAIAN ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH [AIGA] TAHUN 2023	35
MBSJ TERIMA PERUNTUKAN RM500,000.00	6	MBSJ NAIB JOHAN PERBARISAN KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN	19	CUNGKIL BAKAT TERPENDAM MELALUI PENDEKLAMASIAN SAJAK	36
MBSJ ANJUR PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR SEKOLAH	7	PILIHANRAYA NEGERI SELANGOR	21	CABARAN JORAN MBSJ 2023	36
MBSJ BERI KESEDARAN TENTANG PUNCA DAN PENCEGAHAN DENGGI PADA HARI BERSAMA KOMUNITI	7	PENGANJURAN FOCUS GROUP DISCUSSION [FGD] BAGI PENGHASILAN LAPORAN 'VOLUNTARY LOCAL REVIEW' [VLR] DAN SDG' SUBANG JAYA CITY ROAD MAP	22	LAGU PATRIOTIK DAN KLASIK SEMARAKKAN SEMANGAT HARI MALAYSIA 2023	37
KDYMM AGONG BERKENAN MENUNAikan SOLAT FARDHU JUMAAT DI MASJID AL-FALAH, USJ 9, SUBANG JAYA	8	MBSJ EDAR 240 UNIT TONG SAMPAH PERCUMA	22	MBSJ SEMARAK SEMANGAT PATRIOTIK ANJUR PERARAKAN	38
PENJENAMAAN SEMULA KEPADA HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA	9	BENDERA MBSJ BERKIBAR MEGAH DI PERLIS SEMPENA SUKANUN 2023	23		
MBSJ BURU ANUGERAH PLATINUM ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH [AIGA]	10	MJL JUARAI PERTANDINGAN BOLA JARING TERBUKA PIALA DATUK BANDAR MBSJ SEMPENA ULANG TAHUN MBSJ KE-3	23		
JABATAN BANGUNAN MENJADI HOS PERHIMPUNAN MBSJ BULAN JULAI 2023	10	64 PASUKAN BERTARUNG DEMI MERANGKUL KEJUARAAN ESPORT MBSJ 2023	26		
STRUKTUR HARAM REBAH KE BUMI	11	MBSJ RANGKUL PINGAT DI SUKANUN KE-12	27		
MBSJ KELUARKAN 15 NOTIS TAWARAN KOMPAUN DAN 34 NOTIS AMARAN DALAM OPERASI BERSEPADU DI KAWASAN KOMERSIAL PUSAT BANDAR PUCHONG	11	MBSJ SEDIA FASILITI TAPAK PERKUBURAN DI PUTRA HEIGHT	28		
KLINIK ASAS BOLA SEPAK PERCUMA DI PUCHONG	12	14 PASUKAN JABATAN DALAM MBSJ SERTAI ANUGERAH INOVASI AWAM NEGERI SELANGOR 29	29		
MBSJ TERIMA LAWATAN DARI DELEGASI ANTARABANGSA	13	SESI DIALOG DAN PERBINCANGAN BERSAMA PENIAGA MEDAN SELERA TAMAN SRI SERDANG	29		
MBSJ TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI PERSATUAN SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA [MSDEAF]	13	16 PASUKAN BERTANDING REBUT KEJUARAAN 30	30		
		KEJOHANAN 1ST THOMAS WOODBALL CUP INTERNATIONAL INVITATIONAL CHAMPIONSHIP 2023	30		
		MBSJ RANGKUL TROFI KEJOHANAN SEPAK TAKRAW SEMPENA AMAZING TANGKAK FESTIVAL 2023	31		



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Tn. Hj. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, s.m.s.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, a.m.n., a.m.s.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, a.m.s.
Pengerah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengerah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrin Hanief bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Md Fazly bin Naiman

MBSJ TERIMA PENGHARGAAN SEMPENA

KONVENSYEN MAJLIS BERSAMA JABATAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR



MBSJ telah menerima Sijil Penghargaan dan cenderahati atas pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan [MBJ] dalam Konvensyen Majlis Bersama Jabatan [MBJ] Sesi 2021-2023 yang telah disampaikan oleh YB Dato'Haji Haris bin Kasim, Setiausaha



Kerajaan Negeri Selangor kepada wakil MBSJ iaitu En. Ismail bin Salim, Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ pada 5 Julai 2023 bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada wakil pekerja Majlis Bersama Jabatan [MBJ] sesi 2021-2023 yang telah melaksanakan tugas dan amanah yang

dipertanggungjawabkan bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh MBSJ.

MBJ ialah sebuah medium 2 hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

MBSJ TERIMA SIJIL ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PELINDUNGAN TAHUN 2019



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbesar hati menerima kunjungan hormat YBrs. Tuan A'ssri bin Haji Ramli, Pengarah Keselamatan Negeri Selangor pada 4 Julai 2023 yang lalu.

Sesi kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan strategik serta kerjasama dua hala di antara organisasi.

Dalam sesi ini juga, Majlis Bandaraya Subang Jaya turut menerima sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2019 bagi pengiktirafan cemerlang [5 bintang]



dalam pengurusan sistem keselamatan perlindungan bagi tahun 2019 yang telah diterima oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Syabas diucapkan atas kejayaan tersebut dan semoga kecemerlangan ini akan dapat diteruskan di masa hadapan.



PENAIKTARAFAN PASAR AWAM BAZAR RAKYAT SERI KEMBANGAN INISIATIF MBSJ DAN KPKT TINGKAT KESEJAHTERAAN PENDUDUK



KPPT merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan penduduk. Sebanyak RM300,000.00 diperuntukan untuk menaik taraf Pasar Awam Bazar Rakyat di Jalan SK 6/1, Seri Kembangan.

YB Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah turun padang dalam siri lawatan kerja ke Pasar Awam



Bazar Rakyat, SK 6/1, Seri Kembangan, Selangor diiringi oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, YB Tuan Ean Yong Hian Wah, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut berkesempatan memberi penerangan ringkas mengenai status infrastruktur terkini Pasar Awam Bazar Rakyat SK



6/1, Seri Kembangan, Selangor serta pembangunan baru Pasar Awam MBSJ di Jalan SK 10, Seri Kembangan.

Pelaksanaan projek naiktaraf melibatkan kerja-kerja mengecat semula dan lain-lain kerja berkaitan permukaan dinding, kerangka besi, awning dan pintu gerbang termasuk menaiktaraf tandas awam.

Semoga pelaksanaan projek ini dapat memberikan keselesaan dan kesejahteraan komuniti bandar raya.



KOMPLEKS KOMUNITI PENYAYANG BAKAL BERI MANFAAT KEPADA SELURUH KOMUNITI BANDAR RAYA



Pada 21 Julai 2023 telah berlangsung Majlis Pecah Tanah Kompleks Komuniti Penyayang Taman Saujana Puchong bertempat di Kawasan Lapang, Jalan SP 8/3, Taman Saujana Puchong, Puchong, Selangor.

Majlis pecah tanah ini telah disempurnakan oleh YB Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor. Turut serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta YBhg. Encik Mohd Sha'walludin bin Aziz, Timbalan Pengerah, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Encik Muhammad Fauzan bin Rosli, Ahli Majlis MPP Zon 15.

Projek Komuniti Penyayang merupakan inisiatif kerajaan Negeri Selangor di dalam menyediakan kemudahan infrastruktur untuk kemudahan Komuniti setempat bagi tujuan riadah serta pelaksanaan pelbagai aktiviti program kemasyarakatan.

Kompleks ini bakal dibina di atas tanah berkeluasan 800 perseggi berserta kelengkapan dengan kos RM425,209.00.

Kompleks dijangka siap pada November 2023.

Kompleks berkonsepkan dewan terbuka juga boleh digunakan untuk aktiviti seperti tempat jamuan, majlis perkahwinan dan sebagainya. Selain itu juga, Kompleks ini dilengkapi tandas lelaki, wanita dan OKU dan ruang parkir.



MBSJ ANJUR SEMINAR BERI KESEDARAN CEGAH RASUAH DAN JENAYAH DI KAWASAN PENGURUSAN STRATA



Seramai 80 orang peserta telah menyertai Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient [MyStar] yang dianjurkan oleh MBSJ bertempat di Dewan Kenanga, Ibu pejabat MBSJ pada 8 Julai 2023 yang lalu.

Seminar ini dilaksanakan dalam usaha MBSJ memberi kesedaran kepada pihak pengurusan strata di pentadbiran MBSJ untuk memerangi aktiviti rasuah serta mengelakkan jenayah berlaku semasa menguruskan strata.

Terdapat 2 sesi penerangan diberikan pada kali ini iaitu sesi pertama dengan topik Taklimat Kesedaran Kesalahan Rasuah yang telah



disampaikan oleh PPj. Ahmad Nuri bin Muda, Unit Pendidikan Masyarakat, SPRM Selangor.



Seterusnya mereka didedahkan dengan Taklimat Kesalahan Jenayah Komersial Dalam Pengurusan Strata oleh Insp. Khairul Azelan bin Kapli, Pegawai Penyiasat, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, IPD Subang Jaya.



MBSJ ANJUR TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT [ISMS] - PERALIHAN KEPADA ISO/IEC 27001:2022



Seramai 83 orang kakitangan Majlis telah menyertai sesi Taklimat Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat [ISMS] - Peralihan kepada ISO/IEC 27001:2022 yang telah diadakan pada 14 Julai 2023 bertempat di Dewan Kenanga, Aras 1, MBSJ

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Sazlin binti Alias [Auditor SIRIM Q.A.S International].

Objektif taklimat ini adalah bagi memahami prinsip dan konsep umum Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat [ISMS] dan mengetahui keperluan dan perubahan daripada ISO/IEC 27001:2013 kepada ISO/IEC 27001:2022.

Adalah diharapkan perkongsian ini akan dapat memperkasakan pengetahuan mengenai kesedaran keselamatan dan ancaman siber.



SESI TOWN HALL

KAJIAN INVENTORI GREENHOUSE GAS (GHG) MBSJ



Pada 10-14 Julai 2023 yang lalu, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd. (IGTC) telah mengadakan Sesi Townhall bagi Kajian Inventori Greenhouse Gas (GHG) bagi penyediaan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ yang telah berlangsung di dua lokasi iaitu di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ dan di Kompleks 3K MBSJ, Seri Kembangan, Selangor.

Sesi Townhall ini diadakan bertujuan memberikan penerangan berkaitan penyediaan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ dan kaedah pengumpulan data yang akan dijalankan kepada pihak berkepentingan terutamanya sektor perniagaan, perindustrian, pengangkutan dan institusi kerajaan serta swasta untuk mewujudkan inventori Greenhouse Gas (GHG).

Sesi Townhall yang diadakan pada kali ini telah dihadiri oleh Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, Kinrara dan Seri Kembangan, Ahli Majlis MBSJ serta pemegang taruh yang terdiri dari pelbagai sektor.



Adalah diharapkan sesi townhall ini dapat memberikan kefahaman kepada semua pemegang taruh yang terlibat serta di dalam pengumpulan maklumat untuk Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ.



Sesi Townhall ini merupakan program susulan dalam pembentukan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ. Sebelum ini MBSJ telah menganjurkan seminar Subang Jaya City: Climate Change Action Approach yang telah diadakan pada 26 September 2022, bertempat di Four Points By Sheraton Puchong di mana seramai 150 orang telah menyertai seminar tersebut. Dalam majlis yang sama juga, turut dilancarkan Greenhouse Gas Inventory Management System (GIMS).

MBSJ TERIMA PERUNTUKAN
RM500,000.00

Program Sentuhan Kasih Bersama YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Tahun 2023 telah diadakan di Majlis Perbandaran Klang pada 26 Julai 2023. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Turut hadir ke majlis tersebut adalah YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT; TPr. Dr. Alias Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia); YBhg. Dato' Mohd Fadzli Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan & Pengangkutan Awam Negeri Selangor; YB Tuan Ganabattirau a/l Veraman, Ahli Parlimen Klang; YBhg. Dato' Johary Anuar, Timbalan SUK (Pembangunan) Kerajaan Negeri Selangor; Yang Berhormat Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Munawi, Orang Besar Daerah Klang;



serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah. Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima peruntukan berjumlah RM500,000.00 bagi Program Bandar Selamat 2023.

Program Bandar Selamat Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot adalah program berteraskan keselamatan komuniti yang diselia oleh KPKT melalui PLANMalaysia dengan kolaborasi dan peruntukan khas

daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mengurangkan indeks jenayah dan perasaan takut menjadi mangsa jenayah (fear of crime) di kalangan orang awam. Projek ini telah dilaksanakan di tapak iaitu di Taman Puchong Prima bermula 23 Ogos 2023 dan dijangka siap sepenuhnya Disember 2023. Projek ini dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

MBSJ ANJUR PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR SEKOLAH



Dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar MBSJ telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar Sekolah pada 12 Julai 2023 bertempat di Galeri Kitar Semula dan Perpustakaan Hipermedia Kompleks 3C, Subang Jaya, Selangor.

Seramai 38 orang pelajar dan 2 orang guru dari Sekolah Agama Menengah Bestari Subang Jaya telah mengikuti program tersebut.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sebagai pengisian program pada kali ini di antaranya



seperti *mini explorace*, kitar semula, mempelajari cara pengasingan sisa yang betul dan kesannya terhadap alam sekitar serta pendedahan cara membuat kompos daripada sisa kebun dan sisa makanan.

Semoga inisiatif MBSJ ini akan dapat memberi galakan kepada pelajar bagi membudayakan amalan kitar semula dan kompos sekaligus memberi kesedaran akan kepentingan menjaga alam sekitar

MBSJ BERI KESEDARAN TENTANG PUNCA DAN PENCEGAHAN DENGGI PADA HARI BERSAMA KOMUNITI



MBSJ telah menyertai Program Jom Bestari Hari Bersama Komuniti bertempat di Sekolah Menengah Agama Bestari, USJ 5 pada 22 Julai 2023.

Penyertaan ini adalah sebagai usaha MBSJ memberi kesedaran kepada komuniti tentang punca dan cara pencegahan denggi.

Program ini turut disertai pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Balai Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Mufti Selangor serta Kumpulan Media Karangkraf.

Semoga usaha yang dilaksanakan akan dapat membantu mengawal dan mencegah penularan wabak denggi yang akan bermula daripada akar umbi melalui penglibatan aktif pelajar sekolah.



KDYMM AGONG BERKENAN MENUNAikan SOLAT FARDHU JUMAAT

DI MASJID AL-FALAH, USJ 9, SUBANG JAYA



Menjunjung kasih KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berkenan berangkat menunaikan solat fardhu Jumaat di Masjid Al-Falah USJ 9, Subang Jaya pada 14 Julai 2023 yang lalu.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda pada jam 1.00 tengah hari disambut Pihak Pengurusan Masjid al-Falah USJ 9 diketuai oleh Tuan Nazir, Tan Sri Dato' Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir serta ketua-ketua pengarah agensi bandaraya Subang Jaya. Turut sama adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, Nazir Masjid Al-Falah USJ 29 telah menyampaikan Khutbah Jumaat yang bertajuk 'Dadah Dijauhi, Keluarga Dirahmati, Negara Harmoni'.

Khutbah tersebut menyeru semua pihak termasuk pemimpin masyarakat dan ibu bapa untuk berganding bahu memerangi dadah hingga ke akar umbi bagi membendung anak-anak muda daripada terlibat dengan gejala dadah.

Seramai 3000 orang jemaah menunaikan solat jumaat yang diimamkan oleh Ustaz Muhammad Zuwairi bin Mohd Yusof, Imam Masjid Al-Falah. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan meluangkan masa bersalaman dengan jemaah selain mengurniakan sumbangan kepada murid Sekolah KAFA Integrasi Masjid Al-Falah.

Daulat Tuanku.



PENJENAMAAN SEMULA KEPADA

HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA



Bermula Julai 2023, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan program Selamat Pagi Subang Jaya atau kini dijenamakan semula sebagai Hari Tanpa Kenderaan (HTK) pada setiap minggu kedua setiap bulan.

Program ini diadakan secara bulanan pada setiap minggu kedua bermula 9 Julai 2023 ini bertempat di Jalan SS16/1, Subang Jaya [Berhadapan dengan Aeon big Subang Jaya dan Subang Parade] bermula jam 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi.

YBrs. Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Ketua Jabatan MBSJ telah sama-sama hadir ke program pada kali ini.

Pelbagai aktiviti komuniti sihat, menarik serta mencabar telah diadakan seperti Kejohanan Berbasikal Endurance Challenge, Kejohanan Run Bike Subang Jaya, Pertandingan Street Soccer, Basketball King Of The Street, aktiviti memanah, Rope repealing, Senamrobik dan Pemeriksaan kesihatan percuma.

Turut diadakan Demonstrasi Pertolongan Cemas dari Angkatan Pertahanan Awam [APM], persembahan Silat Gerak Harimau serta pameran keselamatan dari Ibu Pejabat Polis Daerah [IPD] Subang Jaya dan pameran cari musnah Aedes oleh Jabatan Kesihatan MBSJ.

Adalah diharapkan masyarakat dapat meluangkan masa untuk sama-sama hadir ke program ini bagi memeriahkan acara di samping menyahut aspirasi negara bebas karbon melalui penyertaan program Hari Tanpa Kenderaan ini.



MBSJ BURU ANUGERAH PLATINUM ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA)



Pada tahun 2022 Majlis Bandaraya Subang Jaya telah berjaya meraih anugerah kategori perak bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah [AIGA].

Justeru itu, pada 17 Julai 2023 MBSJ tidak berputus asa untuk menyertai Anugerah AIGA bagi memburu anugerah tertinggi. Sehubungan itu, MBSJ telah menjalani sesi penilaian Audit Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah [AIGA] 2023 yang telah berlangsung secara maya. Sesi penilaian ini adalah bagi menilai dokumentasi dan pelaksanaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah dalam organisasi.

YBrs. Tuan Haji Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut hadir memberikan ucapan aluan diikuti dengan ucapan balas Ketua Panel iaitu Dr. Azhani



Binti Arshad, Universiti Teknologi Mara [UITM] dan panel kedua Cik Nur Atia Shahirah binti Mustapha, Institut Integriti Malaysia [IIM].

Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah [AIGA] merupakan satu anugerah yang memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan



swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi mereka

Adalah diharapkan pada tahun ini MBSJ dapat merangkul Anugerah Tertinggi AIGA iaitu Kategori Platinum. Syabas kepada semua warga kerja yang telah memberikan sepenuh komitmen yang sepanjang sesi audit ini berlangsung.



JABATAN BANGUNAN MENJADI HOS PERHIMPUNAN MBSJ BULAN JULAI 2023



Perhimpunan MBSJ telah berlangsung pada 17 Julai 2023 bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya yang dihoskan oleh Jabatan Bangunan.

Majlis perhimpunan kali ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut serta YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ bersama ketua-ketua jabatan serta warga kerja MBSJ.

Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah menyeru warga kerja MBSJ agar terus melaksanakan inovasi dan aktiviti dengan mengadaptasi pelaksanaan Sustainable Development Goal [SDG] atau Matlamat Pembangunan Mampan secara keseluruhan khususnya dalam pengurusan perkhidmatan bandar raya.

Adalah diharapkan MBSJ menjadi peneraju kepada PBT lain dengan lebih berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik.





STRUKTUR HARAM

REBAH KE BUMI



Struktur binaan haram di tanah berhampiran Pangsapuri Enggang, BK 6, Kinrara akhirnya rebah ke bumi dalam satu operasi bersepadu pada 5 Julai 2023 yang lalu.

Operasi bersepadu ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi terlibat seperti Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PTD), Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Ibu Pejabat Polis (IPD) Serdang.

MBSJ mengambil tindakan perobohan ke atas struktur

penjaja dan kebun haram adalah disebabkan kerana struktur tersebut dipercayai menjadi punca pembiakan nyamuk aedes di Pangsapuri Enggang tersebut. Dilaporkan, sebanyak 41 kes demam denggi dicatatkan di kawasan berkenaan.

Tindakan perobohan ini diambil setelah pihak MBSJ mengeluarkan Notis Amaran di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bagi memberi peluang kepada pemilik struktur untuk meruntuhkan sendiri binaan.

Walau bagaimanapun, tiada sebarang tindakan diambil sehingga operasi perobohan dilaksanakan.

MBSJ juga turut mengadakan kempen kesedaran denggi serta melakukan semburan kabus bagi mengawal nyamuk aedes di kawasan berkenaan.

Adalah diharapkan penduduk di pentadbiran MBSJ akan lebih cakna dan tidak menjalankan aktiviti bercucuk tanam di tanah kerajaan tanpa sebarang kebenaran di masa hadapan.



MBSJ KELUARKAN 15 NOTIS TAWARAN KOMPAUN DAN 34 NOTIS AMARAN DALAM OPERASI BERSEPADU DI KAWASAN KOMERSIAL PUSAT BANDAR PUCHONG



Sebanyak 15 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dan 34 Notis Amaran (NA) dan Notis Kacau Ganggu (NKG) telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan pada premis yang telah melanggar peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dalam dalam Operasi Bersepadu di sekitar kawasan premis bercampur komersial serta kediaman di Jalan Puchong Bandar 3-12, Pusat Bandar Puchong, Selangor pada 12 Julai 2023.

Operasi ini telah dilaksanakan secara bersepadu bersama Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bangunan serta Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik.

Dalam operasi yang sama sebanyak 4 ekor anjing liar telah berjaya ditangkap.



Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau individu yang didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.





KLINIK ASAS BOLA SEPAK PERCUMA DI PUCHONG



Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dengan mengadakan program Klinik Bola Sepak bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara atau National Football Development Program (NFDP) bertempat di Padang MBSJ Puchong Permai, Puchong pada 23 Julai 2023.

Turut hadir adalah YB Puan Yeo Bee, Ahli Parlimen Puchong, Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin, Ahli Majlis MPP Zon 8 dan Puan Rubaizah binti Mohamed Noh, Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, MBSJ.

Objektif utama program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak, khususnya mereka yang



kurang berkemampuan untuk menjalani pendidikan asas bermain bola sepak.

Menteri Belia dan Sukan, YBrs YB Hannah Yeoh turut turun padang dan menyampaikan hadiah sebiji bola kepada 100 peserta terawal yang mendaftar.

Diharap melalui penganjuran program seperti ini akan dapat meningkatkan kualiti bola sepak negara dengan melatih pemain dari peringkat akar umbi.



MBSJ TERIMA LAWATAN DARI DELEGASI ANTARABANGSA



Majlis Bandaraya Subang Jaya berbesar hati menerima kunjungan dari delegasi antarabangsa CBN International bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang diketuai oleh Dr. Behnam Tai, Programme Director, Australia bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 1, MBSJ pada 1 Ogos 2023 yang lalu.


Lawatan ini juga turut dihadiri oleh delegasi antarabangsa lain yang terdiri daripada India, Filipina dan Malawi yang bertujuan untuk melihat amalan terbaik dari aspek pengurusan infrastruktur di MBSJ.

Para delegasi telah diberikan penerangan mengenai amalan dari aspek pengurusan infrastruktur di MBSJ yang telah disampaikan Puan Sarina binti Saad, Pengarah Jabatan OSC. Turut hadir adalah Encik Hazman bin Mohd Mahayudin, Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar MBSJ.

Semoga perkongsian ini akan dapat memperkasakan rangkaian kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dalam dan luar negara.



MBSJ TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI PERSATUAN SUKAN ORANG PEKAK MALAYSIA (MSDEAF)



YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ berbesar hati menerima kunjungan hormat dari Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDeaf) iaitu Encik Mohd Yusri bin Abd Ghani [Timbalan Presiden MSDeaf], Encik Chan Kok Sheng [Naib Presiden MSDeaf], Encik Mohd Firdaus bin Musa [Pegawai Perhubungan MSDeaf] bertempat di Pejabat Datuk Bandar MBSJ pada 5 Ogos 2023 yang lalu.

Turut hadir adalah Encik Nazli bin Ahmad [Pengarah Jualan – Hal Ehwal Diplomatik, Kerajaan & Protokol] Sunway Resort Hotel.

Dalam kunjungan ini, turut dibincangkan beberapa cadangan usaha kolaborasi strategik bersama dalam penganjuran Kejohanan Bolasepak Orang Pekak Dunia ke-4 dimana Malaysia akan menjadi tuan rumah yang akan berlangsung pada bulan September-Oktober 2023. Kejohanan ini turut melibatkan pasukan dari 4 benua lain iaitu benua Asia, benua Eropah, benua Afrika dan benua Amerika.

Semoga perkongsian dan informasi yang diperolehi melalui lawatan ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi.





MBSJ PBT PERTAMA DI SELANGOR ANJUR KURSUS PROFESIONAL UNTUK PENGURUSAN STRATA



MBSJ melalui Jabatan Pesuruhjaya Bangunan [COB] dengan kerjasama pihak Koperasi Subang Jaya Berhad (KOSUJA) telah menganjurkan Seminar Strata Technique Approach Towards Resilient [MySTAR] MBSJ 2023 pada 7-8 Ogos 2023 bertempat di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA Sepang.

MBSJ buat julung kalinya menganjurkan kursus profesional seperti ini kepada semua agensi terutamanya kepada pihak pemaju, pengurus harta berdaftar dan pegawai-pegawai dari Pihak Berkuasa Tempatan dari seluruh Negara.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Puan Nur Hani binti Mohamad Nor Anuar,

Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Encik Nor Hanizan bin Sahib, Ketua Penolong Pengarah, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), Ahli Majlis MBSJ.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan keperluan berhubung pelaksanaan pemeriksaan bangunan secara berkala bagi mana-mana bangunan yang melebihi tempoh 10 tahun.

Adalah diharapkan dengan adanya program-program sebegini dapat memberi informasi dan juga penerangan kepada semua pihak yang terlibat dengan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata agar lebih menyedari tentang aspek kepentingan pengurusan yang efektif.

ANJUR KURSUS DEDAH PRINSIP PERUNDANGAN



Seramai 62 orang kakitangan MBSJ telah menyertai Program Intellectual Discourse bertempat di Dewan Kenanga, Aras 1, Subang Jaya pada 3 Ogos 2023 yang lalu. Perkongsian ini telah disampaikan oleh Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, Pengarah, Jabatan Undang-Undang MBSJ.

Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pembuat dasar iaitu pegawai dan kakitangan Majlis berkenaan prinsip-prinsip perundangan serta punca kuasa perundangan yang perlu dipatuhi agar mereka membuat keputusan yang wajar serta tidak melakukan sebarang



kesilapan dalam membuat keputusan.

Adalah diharapkan dengan sesi perkongsian ini dapat meningkatkan kefahaman pegawai

dan kakitangan mengenai prinsip-prinsip perundangan MBSJ.



HARI TANPA KENDERAAN MBSJ

Disambut Meriah



6 OGOS 2023



MBSJ FC

Naib Juara

FAS LIGA BAHAGIAN 1 2023



Pada 19 Ogos 2023 bertempat di Arena, MBSJ, telah berlangsung perlawanan bola sepak peringkat akhir bagi Liga bahagian 1 FAS 2023 diantara pasukan MBSJ dan pasukan KRU bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya.

KRU FC muncul juara Liga Bahagian 1 - 2023 telah menewaskan MBSJ FC [2-0] dalam aksi perlawanan akhir.



MAJLIS PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM DAN PELANCARAN KEMPEN JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023



Pada 21 Ogos 2023 telah berlangsung Majlis Perhimpunan Penjawat Awam serta Pelancaran Kempen Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz.

Pada majlis tersebut, YAB Dato' Seri Amirudin Shari turut menyerahkan bendera kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan sebagai simbolik Sambutan Hari Kebangsaan ke-66.



JALUR GEMILANG SERIKAN PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ OGOS 2023



Tanggal 21 Ogos 2023 yang lalu, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengadakan Perhimpunan Bulanan MBSJ pada 21 Ogos 2023 bertempat di Arena MBSJ.

Perhimpunan kali ini telah dihoskan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan bertemakan Sambutan Bulan Kemerdekaan.

Perhimpunan kali ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ bersama ketua-ketua jabatan serta warga kerja.

Dalam ucapannya semasa perhimpunan kali ini, Datuk Bandar MBSJ telah menekankan mengenai nilai perpaduan serta menggalakkan warga kerja

bersama-sama menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan pada kali ini.

Turut diadakan nyanyian lagu kemerdekaan beserta kibaran jalur gemilang serta acara pemasangan bendera jalur gemilang pada kenderaan rasmi MBSJ pada kali ini.



MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN **KEMERDEKAAN** DAN **HARI MALAYSIA 2023**



Sekitar Majlis Pelancaran Program MBSJ Merdeka Madani 2023 yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Pelbagai program dan hadiah menarik menanti komuniti Subang Jaya sempena bulan Kemerdekaan ke 66 selaras dengan tema sambutan bulan Kemerdekaan bagi tahun 2023 iaitu Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan



MAJLIS GALA DINNER **KEMBARA MERDEKA 66**



Kemeriahan ambang merdeka di Majlis Gala Dinner Kembara Merdeka 66 sempena Program Kembara Merdeka 66 peserta konvoi bermotor Malaysia- London yang membawa watak kemerdekaan.

Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan di dalam majlis ini kombo MBSJ turut dijemput bagi mengadakan persembahan menyeronokkan majlis sekaligus menyemarakkan semangat patriotik kemerdekaan.





MBSJ Naib Johan

PERBARISAN KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN



MBSJ dinobatkan sebagai Naib Johan Perbarisan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Selangor yang bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 30 Ogos 2023.

Selain itu, anggota dan jentera Pasukan PANTAS MBSJ turut terlibat menjayakan perbarisan dan perarakan Skwad Bencana Selangor.

Tahniah kepada kontinjen MBSJ.





TAKLIMAT

Pilihan NEGERI S

SIMULASI

Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Selangor telah diadakan pada 12 Ogos 2023 yang lalu. MBSJ telah menguruskan 81 pusat mengundi meliputi 625 saluran yang melibatkan sebanyak 5,172 petugas.

Syabas diucapkan kepada semua petugas PRN kawasan N28 Seri Kembangan, N29 Sri Serdang, N30 Kinrara dan N31 Subang Jaya di atas komitmen yang tidak berbelah bagi kelancaran pilihanraya negeri pada kali ini.



N.28 SERI KEMBANGAN



N.29 SERI SERDANG





MESYUARAT

SELANGOR

PILIHAN RAYA

N.30 KINRARA

N.31 SUBANG JAYA

PENGANJURAN *FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)* BAGI PENGHASILAN LAPORAN '*VOLUNTARY LOCAL REVIEW (VLR) DAN SDG*' SUBANG JAYA CITY ROAD MAP



Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama Urbanice Malaysia telah menganjurkan sesi Focus Group Discussion (FGD) bagi merangka penyediaan pelaporan Voluntary Local Review 2024 dan SDG's Subang Jaya City Roadmap [Siri 1] yang melibatkan pegawai-pegawai Subang Jaya.

Sesi FGD ini telah disempurnakan oleh YBrs. Ir. Rosli bin Muhammad Yunus, Timbalan Setiausaha Bandaraya MBSJ dan dalam sesi ini juga YBrs. TPr Ts. Norliza Binti Hashim, CEO [Ketua Pegawai Eksekutif] Urbanice Malaysia turut berkesempatan memberikan Taklimat mengenai 'Malaysia SDG's Cities'.

Sesi ini telah berjalan dengan lancar dan semoga maklumbalas serta informasi yang dapat dikumpul dalam sesi ini akan dapat digunakan dalam penyediaan pelaporan kelak.

Penyediaan laporan VLR 2024 dan SDG Subang Jaya City Roadmap merupakan kerjasama antara pihak Urbanice Malaysia yang dilantik oleh MBSJ sebagai rakan strategik kerana berpengalaman



melaksanakan laporan VLR MBSJ 2021. Urbanice Malaysia juga bertanggungjawab untuk membentangkan Laporan VLR Subang Jaya ke United Nations High Level Political Forum (HLPF) di New York yang dijangka berlangsung pada bulan Julai 2024.

MBSJ EDAR 240 UNIT TONG SAMPAH PERCUMA



MBSJ mengambil inisiatif dengan mengedarkan 240 Unit tong sampah kepada Pihak Pengurusan Badan Bersama (JMB), TLC Management and Services bertempat di Jalan Bandar 1-12, Pusat Bandar Puchong, Selangor pada 4 Ogos – 22 Ogos 2023 yang lalu.

Program edaran subsidi penempatan tong sampah secara 'one off' ini adalah bertujuan untuk membantu pengurusan proses pembuangan sampah domestik yang lebih sistematik dan teratur sekaligus bagi menangani masalah aduan sampah dan kebersihan kawasan di lokasi ini

MBSJ turut melaksanakan pelbagai inisiatif lain bagi menangani masalah kebersihan kawasan dan antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan adalah:

1. Taklimat Program Kitar Semula & Pengasingan Sisa dan gotong-royong bersama penduduk [warga asing dan peniaga] yang telah diadakan pada 12 Februari 2023 dan 23 Julai 2023.
2. Operasi bersepadu komersial bersama Jabatan dalaman MBSJ khususnya pemeriksaan dan penguatkuasaan penyediaan tong sampah kepada peniaga telah dijalankan pada 12 Julai 2023.



3. Program Kesedaran Alam Sekitar secara bersemuka pintu ke pintu selama 3 hari diadakan pada 20/7/23-22/7/2023 di mana sasaran utama adalah kepada warga asing di tingkat atas bersama pihak JMB. Program yang bermula pada jam 6.00 petang sehingga jam 10.00 malam dan sebanyak 1,370 unit premis dilawati serta pihak Majlis telah bertemu penghuni di 275 unit premis bagi memberi kefahaman tentang pengurusan sampah yang betul serta pengedaran risalah turut diedar kepada penduduk di kawasan tersebut.



4. Mewujudkan kumpulan aplikasi whatsapp antara Majlis, MPP bersama penduduk dan peniaga untuk menyampaikan maklumat terkini dan sebagai saluran aduan.
5. Bantuan tambahan pembersihan sampah longgok/pukal secara in-house.
6. Aktiviti lain seperti pemecahan slab dan pembersihan longgang yang tersumbat di beberapa premis makanan menggunakan jentera [hacker/ jetter/ vakum]



Diharap melalui usaha pelaksanaan program ini akan memberi kesedaran kepada komuniti bandar raya tentang kepentingan pengurusan sampah sekaligus mendidik masyarakat madani bandar raya yang berdisiplin terhadap kebersihan persekitaran.

BENDERA MBSJ BERKIBAR MEGAH DI PERLIS SEMPENA SUKANUN 2023



Pihak Pengurusan Tertinggi MBSJ sentiasa komited dalam menyokong warga MBSJ baik dari aspek pengurusan kerja mahupun sukan.

Ini dizahirkan melalui penglibatan Pengurusan Tertinggi MBSJ semasa Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen MBSJ Bagi Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023 apabila YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah hadir untuk menyempurnakan majlis penyerahan bendera tersebut pada 22 Ogos 2023 bertempat di Dewan Kenanga.

Dalam majlis tersebut, Datuk Bandar MBSJ telah menyampaikan amanat serta kata-kata semangat kepada atlet yang terlibat serta menyerahkan bendera MBSJ kepada Ketua



Kontinjen sebagai simbolik majlis.

SUKANUN ke-12 pada kali ini diadakan pada 3 hingga 10 September 2023 bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perlis.

Dalam majlis yang sama juga, Datuk Bandar MBSJ turut membuat penyerahan Jaket kepada pendaki MBSJ sebagai gimik bagi Ekspedisi Gunung Fuji, Jepun. Ekspedisi ini akan bermula pada 24 Ogos 2023 sehingga 3 September 2023.



MJL JUARAI PERTANDINGAN BOLA JARING TERBUKA PIALA DATUK BANDAR MBSJ SEMPENA ULANG TAHUN MBSJ KE-3



Pada 27 Ogos 2023 telah berlangsung Kejohanan Bola Jaring Terbuka Piala Datuk Bandar MBSJ 2023 sempena Ulang Tahun MBSJ Ke-3 bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya.

Kejohanan tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Syabas kepada semua peserta yang telah menunjukkan semangat kesukanan pada hari ini dan tahniah kepada pasukan MJL yang bergelar juara diikuti naib johan oleh pasukan MDHT dan tempat ketiga bersama adalah pasukan Spicegirls dan pasukan MBSA





WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN JULAI - SEPTEMBER 2023

Julai

MPP
ZON 1



15.7.2023 (SABTU)
TAKLIMAT CEGAH JENAYAH DAN SCAMMER BERSAMA POLIS
KABIN RT SS15/2 & 3

MPP
ZON 2



15.7.2023 (SABTU)
EDARAN CERMIN MATA
BALAI MASYARAKAT PJS 7

MPP
ZON 3



7.7.2023 (JUMAAT)
LAWATAN KURSUS BELAJAR KELULUT KEBUN KOMUNITI COURT 9B
MARDI SERDANG

MPP
ZON 4



8.7.2023 (SABTU)
KELAS MASAKAN KIMCHI
KABIN KRT USJ 6

MPP
ZON 5



9.7.2023 (AHAD)
BENGKEL GUBAHAN KAIN BATIK (PANGSAPURI ANGKAT)
DEWAN PANGSAPURI SRI KAYAN

Ogos

MPP
ZON 6



6.8.2023 (AHAD)
GOTONG ROYONG
TAMAN PERMAINAN USJ 26/ USJ 27

MPP
ZON 7



20.8.2023 (AHAD)
PROGRAM JELAJAH AMAL BAKUL MAKANAN KG. TRADISI
DEWAN BUKIT LANCHONG

MPP
ZON 8



6.8.2023 (AHAD)
PROGRAM KEJOHANAN FUTSAL ANAK MUDA PUCHONG
KSL SPORT PUCHONG

MPP
ZON 11



26.8.2023 (SABTU)
MENGEDAR BENDERA MALAYSIA
CALTEX BANDAR KINRARA TK4

MPP
ZON 13



6.8.2023 (AHAD)
PROGRAM PANGSAPURI ANGKAT MEMASAK BUBUR ASYURA
PANGSA PERDANA BLOK A & B

September

MPP
ZON 18



23.9.2023 (SABTU)
PROGRAM BLOOD & ORGAN DONOR
LAMAN PUTERI 3

MPP
ZON 19



10.9.2023 (AHAD)
GOTONG ROYONG BERSAMA KRT LEP 1
KRT LEP 1

MPP
ZON 20



30.9.2023 (AHAD)
PROGRAM KARNIVAL SUKAN RAKYAT
FLAT IKAN

MPP
ZON 23



16.9.2023 (SABTU)
PROGRAM MESRA BERSAMA REMAJA TAMAN MUHIBBAH
SEMPENA HARI MALAYSIA
TGV CINEMA AEON CHERAS SELATAN

MPP
ZON 24



23.9.2023 (SABTU)
PROGRAM MENANAM POKOK BUNGA JASMINE
JALAN SG BESI INDAH 1

64 PASUKAN BERTARUNG

DEMI MERANGKUL KEJUARAAN ESPORT MBSJ 2023



Sebanyak 64 pasukan telah bertarung dalam Pertandingan ESport MBSJ 2023 bersempena dengan sambutan Karnival Ulang Tahun Ke-3 MBSJ yang telah berlangsung di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya pada 2 September 2023.

Pertandingan yang mempertaruhkan dua kategori permainan iaitu Mobile Legends Bang Bang dan PS5 FIFA MBSJ 2023 ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir Encik Samzol bin Saat, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat serta Puan Lee Jen Uyin, Ahli Majlis MBSJ.

Dalam pertandingan kali ini, kesemua 64 pasukan telah menunjukkan semangat juang yang tinggi bagi memenangi pertandingan yang dianjurkan namun adat pertandingan ada yang menang dan ada yang kalah. Syabas diucapkan kepada semua pemenang.

Berikut adalah senarai pemenang mengikut kategori pertandingan:

1. PS5 FIFA MBSJ 2023

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	PRDG ZYRIANDUO (2-1)	RM2,000.00
NAIB JOHAN	BROZILLA GAMING	RM1,000.00
TEMPAT KETIGA	BROZILLA ESPORT	RM800.00
TEMPAT KEEMPAT	EX MAGNA	RM500.00

2. MOBILE LEGENDS BANG BANG

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	MONSTER VICIOUS	RM2,000.00
NAIB JOHAN	TEAM SR (2-0)	RM1,000.00
TEMPAT KETIGA	PILO ESPORT	RM800.00
TEMPAT KEEMPAT	ORCA X	RM500.00





MBSJ RANGKUL PINGAT DI SUKANUN KE-12



MBSJ sekali lagi membuktikan keunggulannya apabila berjaya merangkul 5 pingat bagi keseluruhan acara yang disertai MBSJ semasa Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia [SUKANUN] yang telah berlangsung pada 3 hingga 10 September 2023 bertempat di Universiti Teknologi MARA, Perlis.

Satu pingat emas telah berjaya dimiliki menerusi acara Futsal Wanita manakala 1 pingat Perak pula diterima menerusi acara Basikal Kriterium. MBSJ turut merangkul 3 pingat Gangsa menerusi acara Futsal Lelaki, Karom Berpasukan serta Sepak Takraw Antara Regu.

Syabas diucapkan kepada semua atlet yang telah menyertai SUKANUN pada kali ini dan semoga lebih banyak kejayaan diraih pada masa akan datang.

TAHNIAH FUTSAL WANITA

PINGAT EMAS JUARA

MBSJ	VS	MBPJ
3		2

TAHNIAH BASIKAL KRITERIUM

PINGAT PERAK NAIB JUARA

TAHNIAH SEPAK TAKRAW ANTARA REGU

PINGAT GANGSA KETIGA BERSAMA

TAHNIAH KAROM BERPASUKAN

PINGAT GANGSA KETIGA BERSAMA

TAHNIAH FUTSAL LELAKI

PINGAT-GANGSA KETIGA BERSAMA

MBSJ	VS	MBPJ
1	PENALTI	2



MBSJ SEDIA FASILITI TAPAK PERKUBURAN DI PUTRA HEIGHTS



Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Sime Darby Property Berhad telah mengadakan Majlis Perasmian Tanah Perkuburan Islam MBSJ Putra Heights pada 15 September 2023 bertempat di Jalan Kemboja, Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong, Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim,

Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Ir. Mohd Sohimin bin Mohd Alayedini, CEO Sime Darby Property Berhad, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Encik Faizal bin Abdul Razi, Timbalan Pengarah Pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor, Ahli-Ahli Majlis, Nazir dan AJK Pengurusan Masjid serta pengurusan tertinggi MBSJ.

Tanah Perkuburan Islam Putra Heights ini merupakan tanah perkuburan Islam yang kedua di bawah seliaan MBSJ dengan kapasiti 19,816 lot perkuburan serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain seperti petak letak kereta, surau, tandas serta ruang terbuka pelawat.

E-PUSARA MBSJ

Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2021 dan telah digunakan di Tanah Perkuburan Islam MBSJ Ulu 22. Sistem ini telah memudahkan pengurusan jenazah seperti berikut:

1. Rujukan Sistem Pengurusan Rujukan MBSJ Ulu 22.
2. Anggaran Sistem Pengurusan Rujukan MBSJ Ulu 22.
3. Mewujudkan MBSJ Ulu 22 dengan Sistem Pengurusan Rujukan MBSJ Ulu 22.

TATACARA PENGGUNAAN E-PUSARA

1. Daftar sebagai Pengguna Baru
2. Log Masuk menggunakan e-mail dan kata laluan yang telah ditetapkan
3. Pendaftaran Data dan Status Pengguna
4. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA
5. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA
6. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA
7. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA
8. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA
9. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA
10. Pengguna akan diberikan akses ke Portal E-PUSARA

TANAH PERKUBURAN ISLAM PUTRA HEIGHTS

PENGANTARAN

Tanah Perkuburan Islam Putra Heights, Subang Jaya berlandaskan di atas tanah 19,816 lot dan keluasan 33.525 ekar.

KRONOLOGI PEMBANGUNAN

1. PERMULAAN
2. KELOMPOK
3. PENGANTARAN
4. PEMBANGUNAN

FASILITI YANG DISEDIAKAN

- 1. 19,816 lot perkuburan
- 2. 1 lot surau
- 3. 1 lot tandas
- 4. 1 lot petak letak kereta
- 5. 1 lot ruang terbuka
- 6. 1 lot ruang terbuka
- 7. 1 lot ruang terbuka
- 8. 1 lot ruang terbuka
- 9. 1 lot ruang terbuka
- 10. 1 lot ruang terbuka

PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN MBSJ

TATACARA PENGURUSAN JENAZAH

1. Wajid berhubung dengan pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
2. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
3. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
4. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
5. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
6. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
7. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
8. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
9. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.
10. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah akan menghubungi pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
2. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
3. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
4. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
5. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
6. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
7. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
8. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
9. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.
10. Menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan jenazah.

PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN MBSJ

KADAR BAYARAN

KADAR BAYARAN	KADAR BAYARAN	KADAR BAYARAN
WARGA NEGARA MALAYSIA / WARGA NEGARA	WARGA NEGARA MALAYSIA / WARGA NEGARA	WARGA NEGARA MALAYSIA / WARGA NEGARA
RM150.00	RM250.00	RM350.00

KESERAGAMAN BINAAN PUSARA

JENIS BAHAN BINAAN	SAIZ BINAAN
1. Binaan	1. Binaan
2. Binaan	2. Binaan
3. Binaan	3. Binaan
4. Binaan	4. Binaan
5. Binaan	5. Binaan
6. Binaan	6. Binaan
7. Binaan	7. Binaan
8. Binaan	8. Binaan
9. Binaan	9. Binaan
10. Binaan	10. Binaan

CARTA ALIR PROSES PENGUBUMIAN JENAZAH

1. Pengurusan jenazah
2. Pengurusan jenazah
3. Pengurusan jenazah
4. Pengurusan jenazah
5. Pengurusan jenazah
6. Pengurusan jenazah
7. Pengurusan jenazah
8. Pengurusan jenazah
9. Pengurusan jenazah
10. Pengurusan jenazah

14 PASUKAN JABATAN DALAM MBSJ SERTAI ANUGERAH INOVASI AWAM NEGERI SELANGOR



Seramai 14 pasukan telah mempamerkan hasil inovasi mereka semasa Anugerah Inovasi Awam Negeri Selangor yang telah berlangsung pada 7 September 2023.

Dalam sesi penilaian yang dilaksanakan di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ ini, kesemua peserta telah menerangkan



hasil inovasi penciptaan mereka kepada panel penilai yang diketuai oleh Puan Nor Azurah binti Nasir selaku Ketua Panel Penilai bersama Puan Ayu Azriati bin Chik Ros dan Encik Syamsul Khoir bin Md. Ridzuan, Penilai dari SUK Selangor.

Semoga anugerah yang dilaksanakan ini akan dapat melahirkan lebih banyak idea kreatif dan inovatif di masa hadapan dan Syabas diucapkan kepada semua peserta.



SESI DIALOG DAN PERBINCANGAN BERSAMA PENIAGA MEDAN SELERA TAMAN SRI SERDANG



Bertempat di Medan Selera Taman Sri Serdang, telah berlangsung sesi dialog dan perbincangan yang telah dihadiri oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, YB Tuan Abbas Salimi bin Che Azmi, Ahli Dewan Negeri Puchong, Sr. Mohd Faudzi bin Nazaruddin, Timbalan Pengarah [Penilaian & Pengurusan Harta] MBSJ serta para peniaga Medan Selera Taman Sri Serdang.

Sesi perbincangan ini diadakan bagi memberi penerangan mengenai kerja-kerja penaiktarafan Medan Selera Taman Sri Serdang dalam usaha menarik kehadiran

lebih ramai pengunjung ke premis ini untuk menikmati hidangan dengan selesa khususnya kepada para pelajar serta penduduk di kawasan sekitar.

Di antara kerja-kerja penaiktarafan merangkumi penaiktarafan kemasan lantai, pemasangan meja dan kerusi, penambahbaikan longkang dalam, mengecat bangunan dan perpaipan am. Ianya dijangka akan bermula pada hujung September 2023 dan dijangka siap pada Disember 2023.

Pihak Majlis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Puan Yeo Bee Yin yang turut bersetuju untuk menyumbang kerja-kerja naiktaraf rumah sampah dan tambahan kipas di ruang utama bagi pelaksanaan projek penaiktarafan ini.





16 PASUKAN BERTANDING REBUT KEJUARAAN



Seramai 64 peserta keseluruhan dari 16 pasukan telah bertanding di Kejohanan Woodball Terbuka Sempena Ulang Tahun Ketiga MBSJ yang berlangsung di Laman Woodball Datuk Bandar, USJ 11, Subang Jaya, Selangor.

Kejohanan ini telah dirasmikan YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Kesemua peserta telah mempamerkan aksi permainan yang mantap bagi merangkul hadiah Kejohanan tersebut. Berikut adalah senarai pemenang bagi mengikut kategori bagi perarakan pada kali ini:

1. KATEGORI PASUKAN

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	WWC X	RM800.00
NAIB JOHAN	POLITEKNIK BANTING B	RM500.00
TEMPAT KETIGA	MBSJ A	RM400.00



2. KATEGORI INDIVIDU LELAKI

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	ENCIK DANIAL WOO IKHWAN	RM300.00
NAIB JOHAN	ENCIK BAHRAIN BIN ISMAIL	RM200.00
TEMPAT KETIGA	ENCIK MUHAMMAD NAZRUL BIN HAMIDUN	RM100.00

3. KATEGORI INDIVIDU WANITA

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	PUAN LOO LEE LEE	RM300.00
NAIB JOHAN	PUAN NOR AZAH BINTI HALIB@ AHMAD	RM200.00
TEMPAT KETIGA	PUAN JENNY	RM100.00

Kejohanan 1ST THOMAS WOODBALL CUP INTERNATIONAL INVITATIONAL CHAMPIONSHIP 2023



Sekitar Perasmian bagi Kejohanan 1st Thomas Woodball Cup International Invitational Championship 2023 yang bermula pada 14 sehingga 17 September 2023 bertempat di Laman Woodball Wawasan Puchong, Selangor yang telah disempurnakan oleh YB. Tuan Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor.

Turut hadir di kejohanan ini adalah YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan [Pembangunan] Merangkap Pengarah UPEN bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ, YDH. Puan Azura binti Haji Sarbin, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor, Encik Sean Chi-Hsien Weng, Acting President International Woodball Federation

[WBF], Encik Thomas Kok selaku President Of Asian Woodball Federation serta Encik Yap Kok Weng, Ahli Majlis Zon 16.

Sukan menyatukan semua!



MBSJ Rangkul Trofi Kejohanan Sepak Takraw

SEMPENA AMAZING TANGKAK FESTIVAL 2023



MBSJ telah muncul juara bagi Kejohanan Sepak Takraw Sempena Amazing Tangkak Festival 2023 yang telah berlangsung pada 16 September 2023 bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Tangkak, Johor.

Kejohanan ini berjaya dirangkul setelah menewaskan 24 regu yang mana telah disertai oleh pemain takraw amatur dan bertaraf profesional dari pelbagai negeri dan kelab.

MBSJ telah membawa pulang medal dan hadiah wang tunai sebanyak RM2000.00. Hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Datuk Haji Abdull Rahim bin Talib, Timbalan Presiden Persatuan Sepak Takraw Negeri Johor dan diiringi oleh En Ab Rahman bin Mohamed @ Ismail, Tuan Setiausaha Majlis Daerah Tangkak, Johor Darul Takzim.

Tahniah diucapkan dan semoga kecemerlangan ini diteruskan di masa hadapan.





34 PESERTA PAMER HASIL KERJA



Seramai 34 peserta telah berjaya menamatkan kursus Program DIY Pertukangan Kayu Di Bawah Geran Komuniti Vibrant MBSJ dan Majlis Penyampaian Sijil Kursus telah disempurnakan oleh YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya pada 10 September 2023 bertempat di Pusat Komuniti MPP Zon 4, USJ 1, Subang Jaya.

Turut hadir pada majlis ini adalah Tuan. Ar. Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim, Ahli Majlis MPP Zon 4, Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ bersama Dr. Morni, Pengarah Yayasan UniKL.



Program Kursus DIY Pertukangan merupakan salah satu projek yang menerima peruntukkan di bawah Geran Komuniti Vibrant MBSJ yang diuruskan oleh Yayasan UniKL dan juga Re-Kayu. Projek ini merupakan projek kemasyarakatan di mana komuniti diberi pendedahan mengenai ilmu pertukangan kayu yang dapat digunakan untuk menjana pendapatan dalam keusahawanan sosial samada secara individu ataupun untuk kemaslahatan komuniti.



Kursus ini yang dijalankan dalam bentuk 3 kumpulan telah dilaksanakan bermula 19 Ogos 2023 dan tamat pada 9 September 2023 yang lalu. Para peserta telah didedahkan bukan sahaja dari aspek teori bahkan juga secara praktikal melalui pendekatan 'Do It Yourself' dengan penyeliaan seorang instruktur bertauliah. Setiap daripada mereka dibekalkan dengan peralatan masing-masing dan harus menyiapkan tugas mereka secara individu.



DUDUK BERSAMA BINCANG LAB CADANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH DAN PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN KEMUDAHAN AWAM



Dalam usaha memastikan perancangan projek dapat dilaksanakan secara cekap, berimpak tinggi serta memberi nilai tambah kepada penduduk Negeri Selangor khususnya di pentadbiran MBSJ, seramai 70 orang peserta telah berkumpul di Lab Cadangan Pembangunan Hartanah dan Pembinaan Bangunan-Bangunan Kemudahan Awam di Atas Tanah Milik Kerajaan dan Tanah Milik Majlis Bandaraya Subang Jaya bertempat di Zamrud Hall, Ground Floor The Saujana Hotel.



Lab ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd. Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YBrs. Encik Mohd Sha'walludin bin Aziz, Timbalan Pengarah, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor, YBrs. Puan Hajah

Rahana binti Abdullah, Ketua Pegawai Esekutif [Kumpulan Hartanah Selangor Berhad], YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ bersama Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan pegawai MBSJ.


USAHA MBSJ MERAKYATKAN PERKHIDMATAN PBT



MBSJ merakamkan setinggi penghargaan kepada rakan media MBSJ iaitu Media Selangor atas kesudian menjemput MBSJ untuk slot rancangan Hai Selangor. Yang disiarkan secara langsung pada jam 7.30 pagi di media sosial Media Selangor.

Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik telah mewakili MBSJ bagi membincangkan topik 'Usaha MBSJ Merakytakan Perkhidmatan PBT' ke arah merealisasikan Malaysia MADANI.

MBSJ juga turut berpeluang meninjau sekitar Ibu Pejabat Media Selangor, bertukar-tukar pandangan serta mempelajari ilmu mengenai penyiaran serta berita semasa lawatan berlangsung.



SILA IMBAS KOD QR
 UNTUK MENONTON RAKAMAN
 TEMUBUAL RANCANGAN HAI SELANGOR



97.75KG SAMPAH BERJAYA DIKUMPUL MBSJ & SUNWAY



Sebanyak 97.75kg sampah dan 191.10kg barangan kitar semula berjaya dikumpul hasil usaha gigih Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama Sunway Resort Hotel semasa berlangsungnya program sempena Hari Pembersihan Sedunia atau 'World Cleanup Day 2023'.

Seramai 103 peserta telah menyertai program pada tahun ini yang bertemakan 'The world is change by your example, not by your opinion' dan kerja-kerja pembersihan tersebut telah dilaksanakan di sekitar kawasan Bandar Sunway.



Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah menyumbang ke arah bandar raya yang lebih bersih, ceria dan indah!



BERSIH KAWASAN SEKITAR TASIK, *Sahut Cabaran Pembersihan Sedunia*



Bersempena dengan Hari Pembersihan Sedunia yang disambut pada 16 September setiap tahun, seramai 68 kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menyahut cabaran dengan menyertai aktiviti pembersihan di Taman Tasik Puchong Perdana, Puchong, Selangor.

Dalam program tersebut, sebanyak 89.35 kg sampah telah berjaya dikutip dan sebanyak 10.25 kg barangan kitar semula dapat dikumpulkan.

Syabas dan semoga usaha murni ini dapat diteruskan di masa hadapan.



AUDIT PENGAWASAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PELANGGAN (CSM) & PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH (TQM)



Pada 14-15 September 2023, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menerima lawatan penilaian Audit Pengawasan Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan (CSM) & Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) yang telah diadakan di Ibu Pejabat MBSJ dari SIRIM STS Sdn. Bhd.

Kepada seluruh warga MBSJ yang terlibat syabas diucapkan di atas komitmen yang diberikan dan semoga kita mampu mengekalkan kecemerlangan ini di masa hadapan.



SESI PENILAIAN ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH [AIGA] TAHUN 2023



Sesi Penilaian Audit Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) 2023 bagi Majlis Bandaraya Subang Jaya telah dilaksanakan pada 18 September 2023 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Pada kali ini, MBSJ telah menerima kunjungan dari pasukan panel penilai Institut Integriti Malaysia yang diketuai oleh Puan Zarina binti Mohamad Amin bersama Encik Lukman Al Hakim bin Md Nuri dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH).

YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut hadir memberikan ucapan alu-aluan sempena Majlis Pembukaan Audit AIGA bagi pusingan kedua tahun 2023.



Sesi penilaian pada kali ini dilaksanakan bagi menilai penzahiran komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam organisasi.

Syabas kepada semua warga kerja yang telah bertungkus lumus menyediakan dokumen dan memberikan sepenuh komitmen!



CUNGKIL BAKAT TERPENDAM MELALUI PENDEKLAMASIAN SAJAK



Bagi menyemai rasa cintakan tanah air di samping mencungkil bakat terpendam di kalangan pelajar, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Pertandingan Deklamasi Sajak Peringkat Sekolah Menengah Sempena Bulan Kemerdekaan pada 9 September 2023 bertempat di Perpustakaan Hipermedia, Kompleks 3C, Subang Jaya, Selangor.

Seramai 13 peserta Sekolah Menengah Tingkatan 1-3 telah mengalunkan puisi semangat kemerdekaan mereka semasa pertandingan berlangsung. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang pertandingan tersebut yang telah memenangi hadiah berupa wang tunai beserta sijil penyertaan.

Senarai Pemenang:

PERKARA	NAMA	HADIAH
JOHAN	ADAM DANISH BIN AZZUDDIN RIZAL TINGKATAN 2; SMK SUBANG JAYA	RM400.00
NAIB JOHAN	CAMILIA NUR QASEH BINTI AFISLEHAN TINGKATAN 2; SMK USJ 23	RM350.00
TEMPAT KETIGA	DIVYANTI A/P JAYASENAM TINGKATAN 3; SMK USJ 13	RM300.00
SAGUhati	NURUL IMAN ZULAICHA BINTI NORDEK TINGKATAN 2; SMK USJ 8 MOHAMAD AZRI HAKIMI BIN AZIZUL AWANG FAHMY TINGKATAN 2; SAM BESTARI	RM 150.00 setiap seorang



CABARAN JORAN MBSJ 2023



MBSJ telah menganjurkan Cabaran Joran MBSJ 2023. Majlis pelepasan ikan pelbagai spesies ikan termasuk patin dan talapia dengan berat keseluruhan 300 kilogram telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, Timbalan Setiausaha MBSJ di Taman Tasik Sri Aman Puchong khas buat semua peserta kaki pancing Cabaran Joran MBSJ 2023 pada 22 September 2023.

Cabaran Joran MBSJ 2023 telah berlangsung pada 24 September 2023 bermula jam 6.00 pagi. Program ini telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Zaki bin Yusoff, Pengarah Penguatkuasa MBSJ dan turut dihadiri oleh Encik Wan Shukri bin Wan Mustafa, Ahli Majlis MBSJ merangkap Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ Zon 12.



Dalam acara ini turut diadakan pertandingan mewarna dan cabutan bertuah khas buat komuniti bandar raya. Terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dan pengunjung yang telah hadir bagi memeriahkan program pada hari ini!

Senarai Pemenang Cabaran Joran MBSJ 2023:

1. HADIAH UTAMA

PERKARA	NAMA	SPESIS IKAN
JOHAN	ENCIK ABU SHAH	PATIN, 3.350 KILOGRAM
NAIB JOHAN	SARJAN PILUS	BELIDA, 2.265 KILOGRAM
TEMPAT KETIGA	ENCIK MUHAMMAD NADZMI	IKAN BANDARAYA, 740 GRAM

2. KATEGORI KHAS KELI

PERKARA	NAMA
JOHAN	NOR AZHAR MOHAMED HUSSAIN
NAIB JOHAN	ENCIK MUHAMMAD SAIFUL DIN AZUAN
TEMPAT KETIGA	ENCIK MUHAMAD HARITH SARING





Lagu Patriotik Dan Klasik

SEMARAKKAN SEMANGAT HARI MALAYSIA 2023



Alunan lagu patriotik dan klasik bergema di Pusat Membeli Belah Da Men, Subang Jaya apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Malaysia MBSJ - Da Men 2023 pada 16 September 2023.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir Puan Evelyn Woon, Pengurus Besar, Pusat Membeli Belah Da Men serta Tuan. Ar Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ Zon 4.

Tahniah dan Syabas kepada semua peserta yang telah memberikan komitmen menyertai Pertandingan Nyanyian Lagu Asli peringkat PBT dan Badan Kerajaan Negeri Selangor dan Pertandingan Lagu Patriotik Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah. MBSJ juga turut merakamkan penghargaan kepada Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor kerana telah terlibat dalam Pameran Seni Cempuling pada program tersebut.

PERTANDINGAN LAGU PATRIOTIK GENERASI BESTARI MBSJ 2023

1. KATEGORI SEKOLAH RENDAH

NAMA PESERTA	NAMA SEKOLAH	KEDUDUKAN
Dayang Aerlyna Al Lys Binti Harum Mastan	Sekolah Kebangsaan Puchong	Johan
Ng Zi Tian	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Han Ming	Naib Johan
Piriyanka a/p Povanawaran	Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Kinrara	Tempat Ketiga
Chan Jia Yuan	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Lick Hung SS19	Saguhati
Nur Amanina Izzati binti Mohd Zaki	Sekolah Kebangsaan Taman Universiti	Saguhati
Muhammad Adam Darvisy bin Mohd Shahrul Ashwan	Sekolah Kebangsaan Puchong Perdana	Saguhati

2. KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

NAMA PESERTA	NAMA SEKOLAH	KEDUDUKAN
Artheena Dahlia binti Ahmad Yazid @ Shamsuri	Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 13	Johan
Ariesha Ariana binti Mohd Noor	Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 23	Naib Johan
Wan Ee Ann	Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (1)	Tempat Ketiga
Nurul Aisyah binti Zulkafaly	Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 8	Saguhati
Lam Yuen Yi	Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (1)	Saguhati

3. KATEGORI ANUGERAH KHAS VIDEO POPULAR

NAMA PESERTA	NAMA SEKOLAH
Abbie Tan Sue Wei	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Lick Hung SS19

PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU ASLI PERINGKAT PBT DAN BADAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2023

1. KATEGORI LELAKI

NAMA PESERTA	PBT & BADAN KERAJAAN	KEDUDUKAN
Zulkifli bin Mohd Derus	Majlis Bandaraya Shah Alam	Johan
Mohd Syahid bin Jaafar	Majlis Perbandaran Sepang	Naib Johan
Muhamad Nur Azman	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	Tempat Ketiga

2. KATEGORI PEREMPUAN

NAMA PESERTA	NAMA SEKOLAH	KEDUDUKAN
Zarith Shuhada binti Mohd Yasin	PADAT	Johan
Marlina binti Shaari	Sekolah Bandar Tun Hussin Onn	Naib Johan
Zafiyanti binti Borhanuddin	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tempat Ketiga





MBSJ S

Semangat ANJUR PE



Buat julung kalinya, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan perarakan di Hari Tanpa Kenderaan (HTK) MBSJ bertempat di Persiaran Kemajuan, Subang Jaya bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan serta Hari Malaysia Tahun 2023 pada 10 September 2023.

Sebanyak 25 kontinjen dari pelbagai agensi awam dan swasta serta badan beruniform di bawah kawasan pentadbiran MBSJ telah menyertai perarakan pada kali ini yang telah dihadiri oleh lebih 2000 warga bandar raya Subang Jaya yang telah membanjiri lokasi ini bagi mempamerkan semangat patriotik mereka.

Selain tarikan utama program perarakan, turut diadakan pelbagai aktiviti lain bagi memeriahkan lagi acara HTK pada kali ini seperti Pertandingan Street Soccer, Pasar Karloot, Bazaar Sarapan, Aktiviti Memanah, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pembukaan Kaunter Bergerak, Aktiviti Refleksologi dan Pemulihan Kesihatan, Eco Free Market serta pameran Baja Kompos dan Kesedaran Bahaya Denggi dari jabatan MBSJ.



EMARAK Patriotik RARAKAN



Istimewanya pada edisi kali ini, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membawa anjing dari Unit K9 untuk demonstrasi yang mana ianya telah mengundang rasa keterujaan di kalangan pengunjung yang hadir ke HTK pada kali ini.


Berikut adalah senarai pemenang bagi mengikut kategori bagi perarakan pada kali ini:

1. KATEGORI AGENSI / NGO / BADAN KORPORAT

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	KDEB WASTE MANAGEMENT	RM500.00+Sijil+Plak
NAIB JOHAN	JKM SELANGOR	RM300.00+Sijil+Plak
TEMPAT KETIGA	KOMPLEKS MEMBELI BELAH SUBANG PARADE	RM200.00+Sijil+Plak

2. KATEGORI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	MPP ZON 14	RM500.00+Sijil+Plak
NAIB JOHAN	MPP ZON 1 (KADET POLIS SMK SUBANG JAYA)	RM300.00+Sijil+Plak
TEMPAT KETIGA	MPP ZON 17	RM200.00+Sijil+Plak




SILA IMBAS KOD QR

UNTUK MENGAKSES LEBIH BANYAK
GAMBAR PROGRAM HARI TANPA
KENDERAAN SEPTEMBER 2023

3. KATEGORI TASKA / TADIKA

PERKARA	KUMPULAN	HADIAH
JOHAN	TADIKA DAN TASKA AS SAKEENAH LEARNING CENTER	RM500.00+Sijil+Plak
NAIB JOHAN	TADIKA SURIA SUNWAY	RM300.00+Sijil+Plak
TEMPAT KETIGA	TADIKA SAUJANA ILMU USJ 1	RM200.00+Sijil+Plak



ezy.mbsj.gov.my

LOG MASUK

BAYARAN ONLINE

CETAK LESEN

JOM PERBAHARUI LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2024 SECARA ONLINE

KECUALI

- ✗ Lesen Hiburan
- ✗ Lesen Pusat Siber
- ✗ Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan
- ✗ Lesen Tamat Tempoh
- ✗ Lesen Gerai/Medan Selera
- ✗ Permit Sementara Berniaga
- ✗ Permit Kerusi Meja/Siar Kaki
- ✗ Lesen Berstatus Sementara

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my